



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Kata laluan WhatsApp

BOLEHKAH saya meletakkan kata laluan pada aplikasi *WhatsApp*?
-TAN, Gemencheh.

Aplikasi *WhatsApp* tidak mempunyai sistem kata laluan atau ciri-ciri keselamatan seperti itu yang dibina ke dalam aplikasi tersebut. Sekiranya perlu untuk meletakkan kunci kata laluan pada mana-mana aplikasi pada sesebuah telefon pintar, terdapat banyak aplikasi berfungsi mengunci apa-apa aplikasi dengan kata laluan di laman web *Google Play* - <https://play.google.com/store/search?q=lock%20apps&c=apps>.

Namun begitu, ada satu aplikasi yang seumpama itu yang boleh digunakan khusus untuk aplikasi *WhatsApp* iaitu aplikasi *WhatsApp Lock: Keep Privacy*. Aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma untuk telefon pintar berasaskan sistem *Android* di laman web *Android Store Play*.

Oleh kerana tiada pilihan keselamatan di aplikasi *WhatsApp*, satu-satunya perkara yang perlu dilakukan untuk melindungi perbualan menerusi aplikasi ini adalah bergantung kepada mana-mana aplikasi kunci dengan kata laluan oleh pihak ketiga. Aplikasi *WhatsApp Lock: Keep Privacy* ini menambah satu bentuk perlindungan yang penting bagi mesej dalam aplikasi *WhatsApp* ini. Anda boleh menggunakannya untuk melindungi atau mengunci perbualan dalam aplikasi *WhatsApp* dengan nombor Nombor Pengenalan Persendirian (PIN) empat angka. Perlu diingatkan, setelah pemasangan aplikasi *WhatsApp Lock: Keep Privacy* dibuat, aplikasi ini agak sukar untuk dinyah pasang secara biasa.

Apabila memulakan aplikasi *WhatsApp Lock: Keep Privacy* buat kali pertama selepas ia telah dipasang, anda akan digesa untuk memilih nombor PIN sebanyak empat angka dan seterusnya perlu mengesahkan nombor PIN tersebut. Nombor PIN ini berfungsi seperti mana kata laluan untuk melindungi aplikasi *WhatsApp* daripada dibuka oleh orang lain tanpa kebenaran empunya telefon pintar tersebut.

Apabila seseorang mencuba untuk membuka aplikasi *WhatsApp*, ia akan memaparkan satu kotak dialog untuk memasukkan nombor PIN. Secara lalainya selepas pemasangan aplikasi *WhatsApp* ini, aplikasi ini terus dikunci sekiranya dibiarkan dalam satu jangka masa. Walau bagaimana pun, fungsi ini boleh disetkan mengikut masa tertentu yang sesuai.

Antara aplikasi lain yang boleh digunakan adalah seperti aplikasi *AppLock*, *Lock For WhatsApp*, *Chat Lock* dan lain-lain.